



KENYATAAN MEDIA

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

Aras 5, Blok C7 , Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62690 PUTRAJAYA

Tel : 03-88856500 / 88856688 Faks : 03-88889113 / 88889117

Pengarang/Editor/Bilik Berita

PAMERAN 42,051 NAMA PEMILIH BERDAFTAR YANG REKODNYA MERAGUKAN MELALUI LAMAN SESAWANG SPR DAN PEJABAT- PEJABAT PILIHAN RAYA NEGERI

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan mempamerkan senarai 42,051 nama pemilih yang rekodnya meragukan melalui Laman Sesawang SPR di www.spr.gov.my dan Laman Sesawang Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri di seluruh Negara. Senarai nama-nama tersebut akan dipamerkan mulai 17 November 2011 hingga 31 Disember 2011. Tujuan pameran itu ialah untuk membolehkan pemilih berkenaan atau waris kepada nama-nama yang dipamerkan tampil membuat pengesahan berhubung status rekod pemilih mereka.

Jika nama pemilih itu ada dalam senarai berkenaan, maka beliau perlu hadir ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) terlebih dahulu untuk mengenalpasti masalah berhubung rekod nombor kad pengenalannya sebelum merujuk kepada SPR untuk urusan berkaitan dengan pendaftaran pemilihnya. Jika mana-mana pihak ada apa-apa pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, sila hubungi Ibu Pejabat SPR melalui nombor telefon 03-8885 6565 atau melalui Faks 03-8888 9112 atau menelefon ke Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri.

Sekian, terima kasih

(DATUK KAMARUDDIN MOHAMED BARIA)

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

16 November 2011